

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	CyberSecurity Malaysia rangkul anugerah	Harian Metro
2	Nuklear tingkat kualiti Proton	Utusan Malaysia
3	Kasut pengecas mudah alih menang anugerah inovasi Inklusif ASTI-YIM	Utusan Malaysia
4	Aduh! Jerebu datang lagi	Harian Metro
5	Schools today but exams to go on	The Malay Mail
6	Batal penerbangan akibat jarak penglihatan terhad	Berita Harian
7	Puting beliung 40 saat di Putatan	Kosmo
8	Pupuk, perkukuh kerjasama – Ali Hamsa	Utusan Malaysia
9	Public service ready for change	New Straits Times
10	'If you understand science, you understand the world'	New Straits Times

CyberSecurity Malaysia rangkul anugerah

Kuala Lumpur: CyberSecurity Malaysia mengumumkan ia berjaya rangkul Anugerah Inovasi Keselamatan Siber Terbaik FireEye.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Amirudin Abdul Wahab dalam satu kenyataan berkata, anugerah itu diberikan atas pendekatan inovatif dan kepimpinan badan itu membantu memerangi serangan siber dalam kalangan organisasi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII), syarikat dan agensi kerajaan.

"Saya berbesar hati dan bangga dengan pasukan saya. Kita semua dalam CyberSecurity Malaysia te-

ruja dan ini adalah satu pencapaian yang besar dalam industri keselamatan siber.

"Anugerah ini juga baik untuk negara kita, kerana ia menggalakkan rakyat Malaysia menjadi individu yang berinovatif dan menjadikan Malaysia sebuah negara selamat yang mempunyai langkah keselamatan siber yang kukuh," katanya.

Majlis penyampaian anugerah itu diadakan bersempena Sidang Kemuncak Pertahanan FireEye 2015 di Washington, Amerika Syarikat. Anugerah diterima Dr Zahri bagi pihak CyberSecurity. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)



NUKLEAR merupakan salah satu sumber tenaga alternatif penting yang boleh digunakan untuk pembangunan negara. Terbaharu, teknologi itu bakal digunakan dalam industri automotif tempatan, sekali gus membantu ke arah pembangunan negara terutama dalam bidang sains dan teknologi menerusi kerjasama penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dan Proton Holdings Berhad (Proton).

Kedua-dua agensi itu mahu penyelidikan tersebut menjadi pencetus dalam menghasilkan produk tempatan yang berinovatif setanding dengan produk import dan sebagai satu simbolik, satu majlis penyerahan kereta Proton Iris untuk projek penyelidikan tersebut telah disempurnakan.

Secara tidak langsung, melalui kerjasama penyelidikan dan pembangunan ini, kerja-kerja penambahbaikan kualiti dan ciri-ciri produk serta pengurangan kos dapat dilaksanakan supaya Proton dapat menjadi lebih berdaya saing dan kompetitif di persada pasaran automotif global.

Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, **Datuk Dr. Muhammad Lebai Juri** berkata, kerjasama itu adalah satu kepercayaan industri terhadap manfaat teknologi nuklear di dalam aplikasi industri terutama sektor automotif.

"Nuklear Malaysia akan menggunakan kereta ini di dalam pembangunan produk dan *reverse engineering* untuk meningkatkan mutu dan kualiti serta aspek keselamatan kereta keluaran Proton.

"Program kerjasama antara Nuklear Malaysia dan Proton ini adalah selaras dengan aspirasi dan penekanan kerajaan untuk meletakkan konsep inovasi dan pengutamaan produk tempatan sebagai agenda untuk memajukan ekonomi negara dengan produk tempatan yang berkualiti dan berteknologi tinggi," katanya pada majlis penyerahan kereta untuk projek penyelidikan kerjasama Proton-Agensi Nuklear di Bangi baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Teknologi Kolaborasi, Proton Holdings Bhd., Md. Ridzuan Md. Yusof dan Pengarah Penyelidikan Bahagian Pemprosesan Teknologi Sinaran Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Zulkafli Ghazali.

Di bawah skop Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (COE), Nuklear Malaysia akan membantu Proton dalam tiga bidang iaitu polimer dan komposit, rangkaian kuasa serta elektrik dan elektronik.

Tambah Dr. Muhammad, dalam fasa pertama, program kerjasama tersebut meliputi tiga komponen penyelidikan iaitu Pembangunan Pemecut Elektron Termaju

Nuklear tingkat kualiti Proton

Agensi Nuklear dan Proton jalin kerjasama penyelidikan

Oleh **NUR FATIEHAH ABDUL RASHID**
 teharashid@gmail.com



Merentasi Halogen Bebas/FR Cable For Automotive, Pembangunan Aluminium Termaju Aloi sebagai Pengalir Elektrik Untuk Automotif dan Peningkatan Establishment Standard Industri Proton dan Standard Malaysia Untuk Kabel Aumotif.

"Nuklear Malaysia kemudahan lengkap untuk melaksanakan penyelidikan ini, antaranya kemudahan penyinaran alur elektron, kemudahan penyinaran gamma, loji polimer dan komposit.

"Selain itu terdapat juga makmal nano, loji sintesis, pusat pembangunan prototaip (PDC) yang berupaya untuk menghasilkan *rapid prototyping and soft tooling*, pusat instrumentasi dan automasi (PIA) yang banyak menjalankan simulasi serta lain-lain lagi," ujarnya.

Sementara itu, menurut Ketua Pegawai Teknikal Kumpulan Kejuruteraan, Proton Holdings Berhad, **Abdul Rashid Musa**, kepakaran daripada Nuklear Malaysia amat diperlukan demi meningkatkan mutu dan kualiti aspek keluaran Proton.

"Secara khususnya, Nuklear Malaysia akan membantu Proton dengan membekalkan kabel untuk enjin kereta. Kabel ini adalah untuk menjadikan enjin kereta lebih tahan panas.

"Seterusnya membekalkan aloi aluminium yang bersifat ringan untuk dijadikan kabel. Dalam masa yang sama, kerjasama penyelidikan ini dapat membantu meningkatkan standard dalam industri automotif," ujarnya.

Tambahnya, hasil penyelidikan itu menjadikan teknologi kereta di negara ini dinaiktaraf sekaligus dapat membantu mengurangkan kos dalam penghasilan kereta.

"Bukan itu sahaja, kita juga dapat berkongsi kepakaran dan peralatan yang ada untuk memperkembangkan lagi teknologi dalam industri ini.

"Kelebihan dari segi kepakaran yang kita ada pada masa kini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara ASEAN paling maju dalam penghasilan kereta," jelasnya.



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)



ABDUL RAZAK AHMAD (empat dari kiri) dan **Muhammad Aziph Mustapha** (tiga dari kanan) meraikan kejayaan pasukan **SMJK Chung Ling** yang diumumkan pemenang **Anugerah Inovasi Inklusif ASTI-YIM** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kasut pengecas mudah alih menang anugerah inovasi Inklusif ASTI-YIM

INOVASI sekumpulan pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Ling, Butterworth mencipta kasut pengecas mudah alih membawa tuah apabila diumumkan pemenang Anugerah Inovasi Inklusif ASTI-YIM yang kali pertama diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pasukan yang menamakan diri mereka **Jaws** ini menggunakan sistem dinamo untuk menukar tenaga kinetik, yang dihasilkan oleh pergerakan apabila berjalan kepada elektrik.

Hasil ciptaan ini mampu membantu berjuta-juta orang mengecas telefon bimbit mereka dengan

cara yang paling murah dan mesra alam.

Selaku pemenang tempat pertama, **Jaws** membawa pulang wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

Kolej Tunku Kurshiah menduduki tempat kedua manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Bahaman, Kuantan, Pahang pula di tangga ketiga.

Anugerah ini merupakan satu daripada kategori yang dipertandingkan semasa Cabaran Perekacipta Muda 2015 yang menarik lebih 199 penyertaan dari rantau Asia namun hanya 54 yang disenarai pendek untuk peringkat akhir.

Dianjurkan bersama oleh Persa-

tuan Sains Teknologi dan Rekacipta (ASTI) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Anugerah Inovasi Inklusif ASTI-YIM diperkenalkan untuk menggalakkan inovasi dalam kalangan pelajar berusia antara 13 hingga 17 tahun.

Hadiah disampaikan oleh Pengarah Inovasi Inklusif YIM, Abdul Razak Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Mustapha.

Maklumat lanjut berkaitan pertandingan ini boleh dirujuk di www.asti.org.my/projects/robust-admin-panel/.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)



Oleh Nur Lela Zulkipri
nurilela@metro.com.my
Kuala Lumpur

Negara kembali menerima asap jerebu daripada Sumatera, Indonesia berikutan perubahan ribut tropika Koppu dan Champi yang mempengaruhi corak tiupan angin di rantau ini sejak kelmarin.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Ghyah Ismail berkata, status kualiti udara pada tahap tidak sihat di kawasan yang terbabit disebabkan tiupan angin dari arah barat daya yang masih berlaku seterusnya membawa pencemaran jerebu merentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan.

"Dua ribut tropika yang terbentuk dan bergerak aktif di Lautan Pasifik menjadi punca utama asap jerebu masuk kembali di kawasan serantau Malaysia dalam tempoh tertentu, namun dijangka tidak akan berpanjangan.

"Berdasarkan model tinjauan pihak MetMalaysia, ia hanya dapat membaca perubahan angin sehingga 24 Oktober ini dan mendapati Malaysia akan kembali menerima jerebu daripada Indonesia.

"Kualiti udara Malaysia sebelum ini sudah beransur pulih berikutan taburan hujan yang kerap, namun tiupan angin daripada ribut tropika menyebabkan cuaca semakin kering selain di-masuki asap jerebu dengan lebih banyak," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Berdasarkan laman web

Aduh! Jerebu datang lagi

■ Perubahan ribut Tropika Koppu, Champi pengaruhi bacaan IPU terkini

BACAAN IPU DI BEBERAPA TEMPAT SEMALAM

LOKASI	6 PETANG	7 MALAM	8 MALAM
Muar, Johor	94	97	101
Bandaraya Melaka, Melaka	122	124	126
Bukit Rambai, Melaka	116	118	119
Nilai, Negeri Sembilan	120	123	125
Port Dickson, Negeri Sembilan	111	114	116
Seremban, Negeri Sembilan	121	123	126
Balok Baru, Kuantan, Pahang	99	101	102
Tanjung Malim, Perak	102	103	102
Tawau, Sabah	135	133	138
Samarahan, Sarawak	110	109	108
Sri Aman, Sarawak	100	100	100
Banting, Selangor	124	127	130
Pelabuhan Klang, Selangor	116	118	120
Petaling Jaya, Selangor	110	112	114
Shah Alam, Selangor	111	113	115
Batu Muda, W Persekutuan	121	123	126
Cheras, W Persekutuan	105	107	110
Putrajaya, W Persekutuan	116	119	122

0-50 BAIK 51-100 SEDERHANA 101-200 TIDAK SIHAT 201-300 SANGAT TIDAK SIHAT >301 BAHAYA
Sumber: Laporan oleh Jabatan Meteorologi

KAKI Jongli Kuala Lumpur hilang ditelan jerebu.

SHAH Alam diliputi jerebu, petang semalam.

FAKTA
Jerebu mungkin berkurangan selepas 24 Oktober

rasmi Jabatan Alam Sekitar (JAS) sekitar jam 5 petang semalam, kualiti udara negara semakin merosot apabila 14 kawasan mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu tertinggi di Tawau, Sabah dengan 130, diikuti Banting, Selangor (122), Bandaraya Melaka (121), Batu Muda dan Seremban, Negeri Sembilan masing-masing 118.

Kawasan lain yang terbabit adalah Nilai, Negeri Sembilan dengan 117, Pelabuhan Klang, Selangor (115), Bukit Rambai, Melaka (114),

Putrajaya (112), Samarahan, Sarawak dan Shah Alam, Selangor masing-masing 110, Petaling Jaya, Selangor dan Port Dickson, Negeri Sembilan masing-masing 109 dan Cheras (103).

Sementara 27 kawasan lain berada pada tahap sederhana, namun beberapa kawasan antaranya di Kuching, Sarawak menghampiri bacaan tidak sihat iaitu sebanyak 100, diikuti Sri Aman, Sarawak (99), Tanjung Malim (98) dan Balok Baru, Kuantan (96).

Sekolah 7 negeri ditutup

Kuala Lumpur: Semua sekolah di Melaka, Negeri Sembilan, Putrajaya, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tawau, Kuching dan Samarahan ditutup hari ini berikutan peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kawasan terbabit.

Bagaimanapun, peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Kolej Vokasional akan diteruskan di bawah Operasi Topeng (Ops Topeng).

Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid mengumumkan perkara berkenaan menerusi la-

man sosial Facebook beliau malam tadi.

Bellau berkata, kenyataan media mengenainya akan dikeluarkan secepat mungkin.

Kementerian Pendidikan sebelum ini berkata, jika bacaan IPU berubah kepada keadaan tidak sihat pada paras bacaan 101 hingga 200 atau sangat tidak sihat pada bacaan 201 hingga 300, pihak berkenaan iaitu Jabatan Pendidikan negeri, Pejabat Pendidikan daerah boleh mengambil tindakan di peringkat masing-masing. Tindakan boleh dibuat

berdasarkan langkah-langkah yang dikeluarkan Kementerian bagi menjamin kesihatan dan keselamatan pelajar di sekolah yang berada dalam kawasan berjerebu yang dianggap kritikal.

Sehingga jam 6 petang semalam, dua lagi kawasan iaitu Tanjung Malim dan Cheras, mencatatkan bacaan IPU tidak sihat, menjadikan jumlah keseluruhan 16 kawasan berada dalam keadaan tidak sihat.

Orang ramai boleh merujuk portal apms.doe.gov.my untuk mengetahui bacaan IPU.

TINJAUAN keadaan jerebu di Muar dengan bacaan IPU mencecah 84.

MBAS
Imbas untuk video



JARAK penglihatan di sekitar Jeti Pulau Ketam juga terbatas akibat jerebu.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Schools closed today but exams to go on

By Nurul Huda Jamaluddin
nurulhuda@mmail.com.my

PETALING JAYA — Schools in several states nationwide and a few areas in Sabah and Sarawak were declared closed today following the poor air quality.

Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid said schools would be closed in Malacca, Negri Sembilan, Putrajaya, Selangor and Kuala Lumpur, and Tawau in Sabah, and Kuching and Samarahan in Sarawak.

"The Sijil Tinggi Agama Malaysia and Vocational College examinations will continue under Ops Topeng," he added in a statement yesterday.

The haze returned last weekend, with a general decline of air quality in several areas nationwide.

A Malaysian Meteorological Department spokesman said the haze would persist until the end of the week because of Typhoon Koppu over the Philippines.

"As a result of the typhoon, wind patterns have changed, with wind now blowing from Indonesia towards the eye of the typhoon," he said.

"Since the forest fires are still burning, especially in southern Kalimantan and Sumatra, haze is expected to persist."

As at 4pm yesterday, 15 areas recorded "unhealthy" Air Pollutant Index (API) readings, compared to four areas in the same category at 6pm on Saturday.

Among the areas were Malacca (114), Kuching (101), Samarahan (110), Banting (118), Petaling Jaya (108), Batu Muda, Kuala Lumpur (114) and Putrajaya (109).

The highest API reading at 4pm was in Tawau, Sabah, at 128.

An API reading of zero to 50 is good, 51 to 100 moderate, 101 to 200 unhealthy, 201 to 300 very unhealthy, and 301 and above is hazardous.

According to the Asean Specialised Meteorological Centre, 68 hotspots were detected in Kalimantan and 10 hotspots in Sumatra as of Saturday evening. Locally, a hotspot was detected in Pahang.

Malaysia will continue another round of water-bombing operations to help



The haze made an unwelcomed return last weekend, with a general decline of air quality in several areas nationwide.

— Picture by Ahmad Zamzahuri

extinguish peat fires after a request from Indonesia, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said.

The first week of operations began on Oct 10, involving two Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) Bombardier 415 firefighting aircraft, an AS 365 N3 Dauphine helicopter and a Lockheed C-130 Hercules heavy transport aircraft from the Royal Malaysian Air Forces, along with 29 personnel.

Shahidan said the government had

agreed on Saturday to extend operations for a second week.

"The cost of operations in the first week is being borne by the Malaysian government," he said.

"However, following the request for an extension, the cost for the second week will be borne by the Indonesian government."

Shahidan did not divulge details of the cost although MMEA's First Admiral Datuk Che Hassan Jusoh was reported as saying the first seven-day deployment would cost up to RM1.8 million.

Shahidan said the Bombardier was a practical firefighting aircraft and could cover a larger area.

"It is very effective and they (the Indonesian government) are very happy," he said.

"I want the team to help Indonesia until the haze is over."

However, he said, the challenge was that the aircraft needed servicing soon.

"The operation will continue but it was agreed some allowances should be given (for aircraft maintenance)," he said.



Keadaan Lapangan Terbang Tawau dengan jarak penglihatan terhad kira-kira satu kilometer akibat jerebu, semalam. [FOTO ABDUL RAHEMANG TAIMING/BH]

Batal penerbangan akibat jarak penglihatan terhad

Tawau: Beberapa penerbangan di Lapangan Terbang Tawau di sini, dibatalkan atau mengalami kelewatan berikutan jerebu yang mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat dengan jarak ketampakan terhad kurang satu kilometer, semalam.

Antara penerbangan dibatalkan ialah pesawat Malaysia Airlines Berhad (MAB) MH2121 dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) pada jam 7.45 pagi yang terpaksa berpatah balik.

Jurucakap Lapangan Terbang Tawau berkata, penerbangan lain yang dibatalkan ialah pesawat MASWings dari Sandakan.

Sementara itu, hampir

semua penerbangan yang berlepas dari Lapangan Terbang Tawau terpaksa dijadualkan semula dengan ada antara penumpang menunggu dari pagi hingga petang kerana pesawat tidak dapat berlepas.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Sabah berkata, Tawau mencatat kadar ketampakan rendah dengan satu kilometer pada tengah hari sebelum bertambah buruk menjelang petang disebabkan jerebu yang dibawa angin dari Kalimantan.

Katanya, keadaan itu disebabkan tiupan angin dari arah selatan bandar ini yang membawa asap dari kawasan titik panas di Ka-

limantan menyebabkan ruang udara bandar ini mencatat kualiti udara tidak sihat.

Bacaan tertinggi

"Keadaan ini disebabkan Taufan Koppu di selatan Filipina yang mendorong perubahan arah tiupan angin dari arah Tarakan di Kalimantan ke pantai timur Sabah. Selain Tawau, kawasan lain yang menerima kesan sama ialah Lahad Datu, Kunak dan Semporna," katanya.

Bacaan IPU di Tawau adalah yang tertinggi di seluruh negara semalam dengan bacaan tidak sihat 128 pada jam 4 petang berbanding 101 pada jam 6 pagi semalam.

Fenomena putaran angin kencang berkaitan rapat dengan Taufan Koppu Filipina

Puting beliung 40 saat di Putatan

PUTATAN - Puting beliung yang berlaku lebih kurang 40 saat di Kampung Pasir Putih di sini kelmarin membuatkan penduduk sekitar gempar seketika.

Fenomena putaran angin kencang pada pukul 6.30 petang itu difahamkan terjadi selepas hujan melanda di beberapa daerah di negeri ini.

Seorang penduduk yang juga saksi kejadian, **Mohd. Alias Hasim**, 27, berkata, dia gementar sebaik melihat puting beliung di depan mata.

"Sebelum kejadian, saya sedang minum kopi di luar rumah. Saya terkejut selepas mendengar bunyi deruman

angin kuat sebelum melihat puting beliung yang besar.

"Melihat keadaan itu, saya terus mengucap. Saya juga berdoa agar tiada sebarang kejadian buruk berlaku," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, **Mohd. Hassanul Ariffen Ahmad**, 30, memberitahu, ketika kejadian, dia terdengar beberapa penduduk menjerit.

Masing-masing berteriak meminta penduduk yang berada di luar segera masuk ke rumah.

"Sebenarnya, ketika itu hujan rintik-rintik sebelum pusaran angin itu muncul secara tiba-tiba," jelasnya.

Bagaimanapun, dalam kejadian itu, jurucakap bomba

negeri berkata, tiada sebarang laporan kerosakan akibat puting beliung tersebut.

Sementara itu, **Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abd. Malik Tussin** berkata, pusaran angin kencang itu mempunyai kaitan dengan Taufan Koppu yang melanda Filipina semalam.

Ia membawa hujan lebat dan menyebabkan banjir kilat.

Sementara itu, laman web **Jabatan Meteorologi Malaysia** melaporkan, angin barat daya berkelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak setinggi 3.5 meter dilaporkan melanda perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Labuan dan Sulu hingga Khamis depan.



GAMBARAN puting beliung yang dirakam pada pukul 6.30 petang di Putatan kelmarin.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5

TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)



ALI HAMSA bergambar dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal (duduk, lima dari kiri), Peter Ong (duduk, enam dari kanan) dan wakil delegasi kedua-dua negara pada Seminar Bersama ke-7 dan Sukan Perkhidmatan Awam ke-38 bagi Pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia & Singapura di Kuching, Sarawak baru-baru ini.

Pupuk, perkukuh kerjasama - Ali Hamsa

Oleh MD AZRIN ROSLY

■ KUCHING 18 OKT.

SEMINAR Bersama ke-7 bagi Pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia dan Singapura dan Program Sukan Perkhidmatan Awam ke-38 melabuhkan tirainya semalam dilihat membukakan hasil yang bermanfaat kepada kedua-dua negara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa optimistik bahawa hasil program yang diadakan berupakan untuk memujuk, memperkukuh jaringan hubungan, komitmen dan kerjasama dalam perkhidmatan awam.

Beliau berkata, Malaysia amat menyedari bahawa dalam usaha menggerakkan pembangunan dan kemakmuran, tidak boleh melakukannya secara sendiri.

Ali berkata: "Kita perlu mencari perkongsian dengan negara-negara lain di dunia dan bersedia menerima nasihat dan bersikap terbuka dalam mempelajari pengalaman kerajaan lain.

"Dalam elemen ini, kita bertemuka kepada iktibar dari Perkhidmatan Awam Singapura yang berkongsi pengalaman dan kepakaran bagi perjalanan ke arah

menjadi negara maju pada tahun 2020.

"Tiada keraguan bahawa hubungan bilateral (Malaysia-Singapura) yang meningkat ini di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah diterjemahkan kepada perkembangan ekonomi, keselamatan dan kerjasama sosial," katanya ketika berucap pada Seminar Bersama ke-7 bagi Pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia & Singapura.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Othman Mahmood dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Beliau berkata, tumpuan ke arah positif dan manfaat bersama dengan kesefahaman bahawa pendekatan hubungan bilateral perlu bagi mendapat situasi menang-menang.

Katanya, persekitaran geopolitik dunia yang menjadi lebih tidak dijangka dan cabaran pentadbiran domestik yang berkembang menjadi kompleks serta berbagai-bagai aspek.

"Penjawat awam kini menghadapi banyak isu yang tidak pernah berlaku sebelum ini, isu kritikal memberi kesan kepada perkhidmatan awam dan memerlukan

mereka berfikir secara strategik, lebih kreatif dan inovatif bagi membentuk perkhidmatan awam yang kekal relevan.

"Kerajaan telah meletakkan agenda transformasi komprehensif bagi kerajaan, ekonomi, sosial dan politik bagi mencapai Wawasan 2020. Transformasi perkhidmatan awam tidak dikecualikan," ujarnya.

Beliau berkata dalam konteks transformasi perkhidmatan awam negara melibatkan perubahan tindakan, sikap dan persekitaran yang perlu berlaku secara teratur agar menjadikannya cepat, tepat, proaktif dan responsif.

Sementara itu, Ali ketika berucap pada Majlis Makan Malam Rasmi yang dihoskan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem pada hari Sabtu lalu percaya, pihaknya telah mencapai sasaran seminar dan pertandingan sukan persahabatan itu yang memberikan peluang ke arah membina hubungan jangka panjang antara perkhidmatan awam kedua-dua negara.

Beliau berkata, program yang diadakan itu juga memperlihatkan dedikasi, komitmen dan keterbukaan yang didukung kalangan pemimpin perkhidmatan awam kedua-dua negara.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem ketika berucap pada majlis makan malam berkata, kehadiran delegasi Singapura pada sukan dan seminar tahun ini di Sarawak yang pertama kali diadakan di luar Kuala Lumpur atau Putrajaya merupakan pengiktirafan kepada usaha membina hubungan dua hala yang harmoni, berpanjangan dan memberi manfaat bersama.

"Kita kadang-kadang memiliki perbezaan pendapat tetapi hubungan kerjasama dua hala yang kuat antara kedua-dua negara sentiasa menjadi objektif utama, namun saya percaya kita mempunyai banyak persamaan berbanding perbezaan," katanya.

Pada program selama tiga hari bermula hari Jumaat lalu, Ali mengetuai 40 orang delegasi negara terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Agensi Pusat, Setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai kanan perkhidmatan awam manakala Singapura diketuai Ketua Perkhidmatan Awam Singapura, Tan Sri Peter Ong bersama-sama 27 orang pegawai, merangkumi Setiausaha, Ketua Badan Berkanun dan pegawai kanan Perkhidmatan Awam Singapura.

Program itu juga dikatakan secara tidak langsung dapat "mempromosikan" atau memberikan lebih banyak maklumat dan mendedahkan peluang berlainan yang terdapat di Malaysia kepada delegasi Singapura.

Program tersebut dimulakan dengan sesi perbincangan dua hala antara Ali Hamsa dan Peter Ong yang telah diadakan pada malam hari Jumaat.

Pada keesokan harinya, Seminar Bersama ke-7 bagi Pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia & Singapura menyaksikan sebuah kertas kerja mengenai pembangunan Sarawak dibentangkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Mohamad Maridhi Abdul Ghani dan empat kertas kerja Singapura mengenai kajian yang dibuat di bawah Program Transformasi di negara seperti Pusat Transformasi Bandar (UTC) ditambah dengan program



BARISAN pemain yang mewakili perkhidmatan awam kedua-dua buah negara bergambar sebelum pertandingan sukan persahabatan boling di Kuching, Sarawak.



ROHANI Abdullah (tengah) dan isteri-isteri pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia & Singapura menunggu sebelum menaiki Sarawak River Cruise untuk menyusuri Sungai Sarawak, baru-baru ini.



Tiada keraguan bahawa hubungan bilateral (Malaysia-Singapura) yang meningkat ini di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah diterjemahkan kepada perkembangan ekonomi, keselamatan dan kerjasama sosial."

DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara.



ALI HAMSA dan isterinya, Rohani Abdullah diberikan penerangan oleh kakitangan Kampung Budaya Sarawak mengenai tarikan sambutan yang diadakan bagi menyambut pengunjung.



ISTERI Ketua Setiausaha Negara, Puan Sri Datuk Rohani Abdullah (kiri) membuat kek lapis sambil disaksikan oleh isteri Peter Ong, Puan Sri Ong Hoo Hsing (dua dari kiri) di Mira Cake House.



HUBUNGAN mesra antara Ali Hamsa dengan Peter Ong jelas terpancar ketika bertemu sebelum memulakan Pertandingan Boling Persahabatan sempena Program Sukan Perkhidmatan Awam ke-38.



sama yang dibuat di sana, program belia dan transformasi Singapura. Seterusnya, pada sebelah petang pula, pertandingan persahabatan antara kedua negara dalam acara boling dan golf berlangsung dalam suasana ceria dan mesra.

Sementara itu, isteri-isteri pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia & Singapura yang turut serta, telah dibawa mengikuti lawatan sosial ke sebuah kedai kek lapis terkenal di Kuching iaitu Mira

Cake House sambil berkeliling mencuba dan belajar tentang cara-cara membuat kek itu.

Selepas itu, para isteri dibawa menyusuri keindahan Sungai Sarawak dengan Sarawak River Cruise sambil menikmati juadah makan tengah hari.

Pada hari terakhir iaitu semalam, kesemua delegasi dibawa ke 'muzium hidup' iaitu Kampung Budaya Sarawak yang menjadi antara tarikan utama di negeri ini yang me-

letakkan replika rumah kaum dan etnik di Bumi Kenyalang termasuk aktiviti harian tradisional mereka.

Tarian kebudayaan yang dipertontonkan juga amat mengujakan kesemua delegasi terutamanya wakil dari Singapura.

Lawatan itu menjadi penutup kepada Seminar Bersama ke-7 bagi Pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia & Singapura dan Program Sukan Perkhidmatan Awam ke-38 tahun ini.

PUBLIC SERVICE READY FOR CHANGE

ESTHER LANDAU
KUCHING
news@nst.com.my

GLOBAL geopolitics has become more unpredictable and challenges to domestic governance have grown more complex, forcing public servants to face numerous critical issues in the public service.

The challenges also required civil servants to think strategically and be more creative and innovative to shape a public service that remained relevant and able to change with the times.

The government had implemented the Government, Economic, Social and Political Transformation Programmes to achieve Vision 2020.

These agendas involved changes to actions, attitude and environment that must occur in an orderly manner for the public service to be fast, accurate, proactive and responsive.

Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa said the country had seen significant progress following the transformation, citing the country's ranking as the eighth most efficient government in the world in the World Competitiveness Report by the World Economic Forum (WEF).

He urged public servants to be ready to seek advice and be open to learn from the experiences of other governments.

"We cannot do it alone to develop and prosper. There is a need to seek partnership with other countries to shape and transform the public service and for workers to be faster, efficient, creative, innovative and comprehensive."

"In this context, the close bond between the Malaysian and Singaporean civil services are being used as a model by our country in our interaction with the civil service from



Chief Secretary to the Government **Tan Sri Dr Ali Hamsa** (centre) and his Singaporean counterpart Head of Civil Service **Tan Sri Peter Ong** (right) at the 7th Joint Seminar held yesterday.

other countries.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, at the Leader's Retreat on May 5 in Singapore, said bilateral ties between the two countries were at their best in history, where both sides could leverage to create better opportunities to move forward.

Ali said the better ties had translated into greater economic, security and social cooperation between both nations.

"There is a focus on positive and mutual benefits, with an understanding that the approach to bilateral ties should be to garner win-win results."

"These well-founded and close ties at all levels, underpinned significantly by the active interactions at the government-to-government level, have

been essential to the steady expansion of the bilateral cooperation."

He was confident that the bilateral cooperation between both public services would increase.

"It is imperative that we continue to do our best to strengthen and take this relationship to a new level. This can be attained by building better understanding, greater trust and confidence for mutual benefit."

Singapore Head of Civil Service Tan Sri Peter Ong said the country had studied and observed the Malaysian government's transformation programmes.

Ong said three teams from the Singapore Civil Service College had been sent to Malaysia to study how Malaysia had put in place a

comprehensive transformation agenda for Vision 2020.

"We need to do this at the national level and build professional ties with Malaysia. We are also open to learn more about the transformation programme from our neighbouring country as well as to focus on the skills field to become a developed country."

This was the first time that Malaysia hosted the annual programme outside Kuala Lumpur and Putrajaya.

The three-day event, which started on Friday, saw 40 delegates from Malaysia, including ministry secretary-generals, heads of agencies, state secretaries and senior officials of the public service. The delegates were led by Ali.

Singapore's delegates were led

by Ong, with 27 officials comprising permanent secretaries, heads of statutory boards and public sector leaders.

The programme, themed "Productivity and Innovation: Unleashing Public Sector Potential for Greater Success", brought together the delegates in friendly competitions of bowling and golf.

The games, the 38th edition, are hosted alternately between Malaysia and Singapore; the first were held in Kuala Lumpur in 1973.

The spouse programme on Saturday was led by Ali's wife, Puspanita president Puan Sri Rohani Abdullah, included a visit to Mira Cake House in Kampung Gersik, opposite the Kuching Waterfront, and the Sarawak river cruise. Also present was Ong's wife Puan Sri Ong Hao Hsing.

The delegates also went to the Sarawak Golf Club for a friendly golf competition.

Ali and other delegates joined the bowling game at Megalanes Adventure World. The event dinner was hosted by Chief Minister Tan Sri Adenan Satem at Hilton Hotel.

On the last day of the event, the delegates had a tour of the Sarawak Cultural Village.

Meanwhile, in a press conference yesterday, Ali said Singapore plans to invest in the state's industrial and tourism sectors.

He said investment opportunities in Sarawak were also discussed during the seminar.

Ali said there were opportunities coming up in the state that would build ties between both countries.

Sarawak State Secretary Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani said Singapore had invited the state government to visit it to discuss the matter.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS): MUKA SURAT 21
TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)

'If you understand science, you understand the world'

KUALA LUMPUR: Merdeka Award Grant recipient Dr Mohd Sukor Su'ait said the success of his research on palm oil-based electrolytes for application in electrochemical devices will increase the value of Malaysian palm oil commodities.

Sukor, 30, is a research fellow at the Solar Energy Research Institute at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

The Penangite said the aim of his study was to reduce dependency on petrochemical-based polymer for electrolytes in electrochemical devices and produce safer and more environmentally-friendly energy resources.

"The success of the performance studies of these bio-based polymer electrolytes in energy conversion and storage devices will open a huge market for Malaysian commodities and widen the application of these bio-based starting materials as renewable resources," he said.

The grant allows Sukor to participate in a three-month international attachment programme at any established institute around the world.

"I'm proud to be an award recipient this year. This award is meaningful to me as a young scientist as I just finished my doctorate last year. It feels like the next step for my career," he said, adding that the attachment would allow him to network with other scientists around the world.

"The novelty of this study is the exploration in designing bio-based polymer electrolytes for electrochemical devices.

"To achieve a significant impact of these types of electrochemical devices, help from internationally-recognised institutions are needed," he said.

Sukor hoped that more parents would encourage their children to

pursue science.

"Science is our future. If you understand science, you understand the world," he said adding that he enjoyed tending his garden in his free time.

Born on March 20, 1985, in Penang, he attended SK Sungai Bakau and completed his secondary education at Penang Free School.

After graduating from Mara college in Kulim (Foundation Studies in Physical Sciences), he pursued his degree in chemistry at UKM.

During the 42nd UKM convocation last year, he was awarded the Malaysian Technology Development Corporation Book Prize for excellent research output by a PhD graduate.

He is an active member of several international scientific communities, including the International Society of Electrochemistry, the American Chemical Society and the Malaysian Polymer Society.

His research areas include energy conversion of electro-chemical materials for storage devices.

To date, he has published 15 articles in international journals and as book chapters.

Recently, he and a team of researchers were awarded a silver medal in the young inventor category at the Invention, Innovation and Design Competition 2015.

He was selected as a "Young Scientist" to represent Asean at the 59th Nobel Laureates meeting in Lindau, Germany, and was later named Asean Future Scientist in 2009.

In 2011, he attended the Erasmus Mundus mobility programme at University of Trento, Italy.

He also joined attachment programmes at Georgia Institute of Technology, in the United States in 2012 and Cadi Ayyad University, Morocco (2014), and attended conferences in Japan and Australia.



Dr Mohd Sukor Su'ait in a lab at Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, on Thursday. Pic by Zulfadhli Zulkifli